

15/04/1997

Ramai tokoh sudah sahkan penyertaan

KUALA LUMPUR, Isnin - Ramai pemimpin politik, diplomat dan ahli akademik sudah mengesahkan penyertaan mereka di Simposium Antarabangsa Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad ke-21 di sini, 25 April ini.

Antara mereka ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee; Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Datuk Dr Syed Jalaluddin Syed Salim; Pengarah Mimos Berhad, Datuk Dr Tengku Mohd Azzaman Shariffadeen Tengku Ibrahim; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Zainal Abidin Abd Hamid dan Duta Sepanyol, Krcarles Casajvana.

Seminar tiga hari itu yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Pusat Kajian Islam Oxford akan dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadual menyampaikan ucaptama.

Berita Harian dipilih sebagai akhbar rasmi seminar berkenaan.

(END)